

28 AUG 2001

Mahathir-Kaum

TIDAK ADA KAUM DIPINGGIRKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengamalkan sikap terbuka dan prihatin terhadap isu dan masalah semua rakyat dan tidak meminggirkan kepentingan mana-mana kaum di negara ini.

Katanya, kepentingan semua kaum diambil kira dalam penggubalan sesuatu dasar dan strategi seperti dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010 dengan mendapatkan input dari semua kaum untuk dipertimbang dan diteliti.

Dalam menggubal RRJP3, kerajaan telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), yang dianggotai oleh 154 orang ahli mewakili pelbagai kumpulan masyarakat, termasuk kaum India.

"Kerajaan telah memberi pertimbangan dengan teliti ke atas semua perakuan yang dikemukakan oleh Mapen II. Di mana sesuai, perakuan berkenaan diterima dan dijadikan sebahagian daripada dasar dan strategi RRJP3," katanya ketika berucap pada majlis jubli emas Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia di Hotel Palace of the Golden Horses di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, dalam RRJP3 kerajaan komited untuk memperbaiki kedudukan ekonomi kaum India termasuk berusaha meningkatkan pemilikan ekuiti korporat mereka daripada 1.5 peratus pada 1999 kepada 3 peratus menjelang tahun 2010.

Satu kajian juga dijalankan untuk menilai tahap penyertaan kaum India dalam ekonomi bagi merangka strategi dan program yang bersesuaian.

Perdana Menteri berkata, masyarakat India turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan negara walaupun mereka penduduk minoriti dan sumbangan mereka sama besar dengan yang diberikan oleh kaum-kaum lain di negara ini.

Beliau meminta masyarakat India supaya turut memberi perhatian kepada integrasi nasional untuk membolehkan tercapainya hasrat dan cita-cita semua kaum di negara ini untuk terus menikmati kedamaian dan keharmonian hidup serta mencapai kemajuan negara.

Dr Mahathir berkata usaha memupuk integrasi nasional perlu dijalankan setiap masa dan di setiap peringkat -- di sekolah, di tempat kerja, di taman perumahan, di gelanggang sukan.

"Kita perlu sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba menggugat kedamaian dan keharmonian hidup di negara ini. Kita tidak boleh bertolak ansur dalam perkara ini," katanya.

Beliau mengingatkan semua kaum di negara supaya sentiasa bersedia melengkapkan diri untuk bersama-sama menyumbang kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan dalam pembangunan negara kerana jika tidak, mereka menghadapi risiko tercicir.

"Kita harus sedar bahawa kita terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam apa juga bidang yang kita ceburi. Hanya mereka yang mempunyai keyakinan sahaja yang akan dapat menghadapi persaingan sengit bagi merebut kejayaan," katanya.

Perdana Menteri meminta Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia yang sudah mencapai usia 50 tahun supaya menilai tahap pencapaiannya dan merangka pelan pembangunan seterusnya selari dengan pelan pembangunan negara dan mengambil kira perubahan pesat di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada masa ini peniaga India memusatkan perniagaan dalam aktiviti

tertentu seperti perniagaan runcit, pengedaran, sajian makanan dan pembinaan bagi memenuhi keperluan masyarakat India.

"Ahli-ahli Dewan perlulah melibatkan diri secara aktif dan lebih meluas dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dan dalam industri berpotensi berkembang yang sedang diwujudkan, umpamanya bioteknologi, peralatan dan kejenteraan, pembungkusan dan pembangunan multimedia," katanya.

Beliau turut meminta peniaga India supaya mengambil faedah daripada program perluasan pasaran seperti program Rantaian Industri dan Pembekal Global.

Mengikut program Rantaian Industri, syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan di rangkaikan dengan syarikat besar dan multinasional (MNC) sebagai pembekal alat komponen atau perkhidmatan tertentu.

Berdasarkan program Pembekal Global pula, keupayaan syarikat IKS dipertingkatkan bagi membolehkan mereka membekalkan barangan dan perkhidmatan bertaraf dunia kepada syarikat-syarikat besar, bukan sahaja untuk operasi mereka di Malaysia, bahkan di serata dunia.

Dr Mahathir turut meminta usahawan India menyahut cabaran menyusun semula organisasi dan amalan perniagaan mereka selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), internet dan e-dagang.

Dewan perniagaan India pula perlu melaksanakan projek-projek yang akan menjadikan komuniti India lebih teguh dan berdaya tahan dalam jangka masa panjang seperti mewujudkan konsortium besar-besaran bagi membolehkan perniagaan anggota mereka mendapat manfaat daripada perluasan operasi di dalam dan luar negara.

Perdana Menteri berkata perniagaan di negara ini tidak perlu diasingkan mengikut kaum kerana penyertaan bermakna dalam perniagaan milik pelbagai kaum tidak akan menidakkan kepentingan sesuatu kaum.

"Yang penting ialah semua kaum di Malaysia mendapat bahagian daripada ekonomi negara kita," katanya.

-- BERNAMA
AFY AFY MAI